



TEL : 3332907 (Pengetua)  
: 3332906 (Office)  
FAKS : 3330599

# سکوله منغه فردانا وزیر شواہ بلاعیت

SEKOLAH MENENGAH PERDANA WAZIR  
JALAN SETIA PAHLAWAN  
KUALA BELAIT KA1931

Bil Kami: SMPW/74/APRIL /2020

Tarikh: 14hb Syaaban 1440H / 8 April 2020M

Yang Mulia:

Ibu Bapa / Penjaga Penuntut,

Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait

## PER: PEMBELAJARAN SECARA TALIAN ‘ONLINE LEARNING’

Assalamulaikum Warahmatullah hi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Dengan penuh hormat sukacita diucapkan ribuan terima kasih kepada semua ibubapa/penjaga pelajar-pelajar SMPW diatas kerjasama dan sokongan yang berterusan dalam melancarkan proses perlaksanaan pembelajaran dari rumah ‘Home-Based Learning’ melalui secara talian ‘Online’ dan cetakan bahan ‘home-learning pack [HLP]’.

Sepanjang tempoh perlaksanaan sejak hari Isnin, 30hb March 2020 sehingga kini, pihak sekolah terutamanya guru-guru sentiasa berusaha untuk membuat serta memberi sesi pengajaran yang terbaik untuk anak-anak abiskita. Walaubagaimanapun, pihak sekolah mendapati komitmen anak-anak abiskita khusus bagi pelajar-pelajar yang mempunyai akses untuk mengikuti pengajaran secara talian mahupun melalui Teams, Whatsapp, Zoom adalah ditahap sederhana. Beberapa isu telah pun dikenalpasti seperti:

- i. Pelajar tidak menghadirkan diri di dalam ruangan TEAMS bagi **sesi pendaftaran awal** pada pukul **7.15pagi** seperti yang telah dimaklumkan.
  
- ii. Pelajar yang **mempunyai kemudahan untuk akses ‘online learning’ tidak hadir** untuk mengikuti pengajaran tanpa sebarang alasan.
  
- iii. Pelajar yang mempunyai kemudahan untuk **akses ‘online learning’ tidak mengikuti kelas secara konsisten** seperti iaitu hanya **mengikuti kelas subjek tertentu sahaja**. Pada masa yang pelajar-pelajar didapati tidak mengikut kelas sehingga tamat.

- iv. Pelajar didapati aktif ‘online’ tetapi tidak mengikuti kelas ‘online’ yang sedang dijalankan.
- v. Pelajar gagal menyiapkan dan menghantar tugas yang disediakan oleh guru-guru subjek seperti yang diarahkan.

Sehubungan dengan ini dimaklumkan kepada ibubapa/pelajar bahawa pihak sekolah sangat mengambil berat akan kedatangan anak-anak abiskita terutama bagi pelajar-pelajar **yang tidak mempunyai masalah untuk akses ‘online learning’**. Seperti yang pihak ibubapa/penjaga telah maklum, mana-mana pelajar yang memang **tidak mempunyai akses ‘online’ atau mempunyai isu untuk mengikuti kelas secara ‘online’** hendaklah memaklumkan kepada pihak pentadbiran melalui Talian info setiap pagi.

Oleh itu, **kegagalan pelajar-pelajar untuk menghadirkan diri semasa sesi pendaftaran dan pengajaran secara konsisten akan dicatat ‘0’ di dalam buku kedatangan pelajar harian**. Pada masa yang sama, **pelajar-pelajar yang tidak menyiapkan serta menghantar HLP seperti yang diarahkan oleh guru-guru subjek juga akan dicatat ‘0’**.

Pihak sekolah ingin memohon jasa baik dari ibubapa/penjaga untuk sama-sama membantu memantau anak-anak abiskita dalam mengikuti kelas secara talian setiap hari. Ibubapa/penjaga juga dipohonkan untuk memaklumkan di dalam Talian info sebelum pukul 7.15pagi sekiranya pelajar-pelajar tidak dapat mengikuti kelas ‘online’. Semoga kerjasama dari semua pihak terutama ibubapa/penjaga dapat membantu dalam memastikan pelajar-pelajar tidak ketinggalan didalam pembelajaran mereka.

Sekian. Wassalam.

Dengan Hormat,



**Pg Hajah Rahmah binti Pg Haji Abas**

Pengetua

Sekolah Menengah Perdana Wazir

Kuala Belait.

S.k: Timbalan Pengetua  
Catatan Harian